

**Soalan 1 wajib** dijawab. Kemudian jawab **empat** soalan daripada mana-mana soalan berikutnya.

- 1 (a) (i) Nyatakan pengertian rasul. [2 markah]  
 (ii) Terangkan **dua** peranan rasul. [4 markah]  
 (b) Nyatakan **dua** cara memulihara alam yang telah rosak. [2 markah]  
 (c) Terangkan **dua** kesan kehidupan manusia tanpa berpandukan wahyu. [4 markah]  
 (d) Jelaskan **dua** kepentingan al-Hadis terhadap al-Quran. [4 markah]  
 (e) 

Pengaruh media massa ke atas gejala sosial remaja sememangnya ketara. Majalah-majalah dan filem-filem barat memaparkan aksi keganasan, pronografi dan budaya hidup yang tidak sihat seperti 'black metal' dan 'punk' menyebabkan remaja terikut-ikut dengan budaya negatif tersebut.
--------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------

  
 Sebagai seorang muslim sejati, apakah cara yang anda boleh lakukan untuk mengelakkan diri terpengaruh dengan budaya negatif tersebut? [4 markah]
- 2 (a) Nyatakan **dua** prinsip rabbaniyyah. [4 markah]  
 (b) Terangkan **dua** prinsip syumuliyyah dalam bidang ekonomi. [4 markah]  
 (c) Jelaskan **dua** bukti yang menunjukkan ajaran Islam bersifat alamiyyah dalam bidang perundangan. [4 markah]  
 (d) Nyatakan **dua** contoh murunah dalam setiap perkara berikut: [4 markah]  
 (i) Solat  
 (ii) Puasa  
 (e) 

Terdapat segelintir umat Islam yang suka mengqada'kan solat disebabkan sibuk dengan kerja kerana beranggapan Islam agama yang mudah.
--------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------

  
 Bagaimanakah cara untuk membetulkan keadaan di atas. [4 markah]

**SULIT****5226/2**

- 3 (a) (i) Jelaskan **dua** matlamat pembentukan negara Islam. [4 markah]
- (ii) Senaraikan **empat** elemen pembentukan negara Islam. [4 markah]
- (b) Terangkan **dua** etika kehakiman Islam. [4 markah]
- (c) (i) Terangkan **dua** matlamat sosial Islam [4 markah]
- (ii) Antara tanggungjawab sosial yang perlu dilakukan dalam sesebuah masyarakat ialah membantu ahli masyarakat yang menghadapi masalah kemiskinan. Terangkan akibat sekiranya tanggungjawab di atas diabaikan. [4 markah]
- 4 (a) (i) Nyatakan pengertian harta. [2 markah]
- (ii) Terangkan **dua** sebab Allah SWT mengamanahkan harta kepada manusia. [4 markah]
- (b) (i) Terangkan **dua** etika kerja dalam Islam [4 markah]
- (ii) Terangkan **dua** kesan pekerjaan halal kepada masyarakat. [4 markah]
- (c) Penekanan konsep ta'awun (kerjasama) merupakan salah satu kepentingan dalam muamalah Islam.
- (i) Terangkan contoh muamalah Islam yang menekankan konsep tersebut. [2 markah]
- (ii) Mengapakah umat Islam perlu mencapai kepentingan tersebut. [4 markah]
- 5 (a) Terangkan **dua** matlamat perundangan Islam. [4 markah]
- (b) Nyatakan pengertian fikah beserta contohnya. [4 markah]
- (c) (i) Senaraikan **dua** contoh perkara makruh. [2 markah]
- (ii) Terangkan **dua** implikasi melakukan perkara makruh. [4 markah]
- (d) Nyatakan **dua** cara meningkatkan kualiti ibadat. [2 markah]
- (e) Antara matlamat perkahwinan dalam Islam ialah untuk mencapai kebahagiaan hidup antara ahli keluarga. Huraikan bagaimana cara suami isteri boleh mencapai matlamat tersebut. [4 markah]
- 6 (a) (i) Jelaskan **tiga** sebab penyelesaian masalah perlu dilakukan secara Islam.

SULIT

5226/2

[6 markah]

- (ii) Senaraikan **empat** amalan dalam penyelesaian masalah. [4 markah]
- (iii) Terangkan **tiga** kelebihan penyelesaian masalah secara Islam. [6 markah]
- (c) 

Kecemerlangan pendidikan akan mewujudkan bangsa yang berilmu dan mulia.
-------------------------------------------------------------------------

  
Sebagai seorang pelajar , terangkan peranan yang boleh anda berikan bagi merealisasikan impian di atas. [4 markah]
- 7 (a) Terangkan **tiga** langkah memperoleh harta secara halal. [6 markah]
- (b) Huraikan **tiga** sebab al-Quran dan al-Hadis menjadi sumber rujukan utama perundangan Islam. [6 markah]
- (c) Nyatakan **dua** kesalahan dan hukuman bagi qisas. [4 markah]
- (d) 

Islam sentiasa menggalakkan umatnya supaya bekerja dengan tekun dan bersungguh-sungguh sebagai langkah menyelesaikan isu kekuatan ekonomi melalui syariat.
------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------

  
Berdasarkan petikan di atas, huraikan pandangan anda mengenai kesan langkah penyelesaian tersebut dalam membantu meningkatkan pendapatan negara. [4 markah]

**KERTAS SOALAN TAMAT**